



## **SIARAN AKHBAR**

### **MINGGU PMKS 2023 ZON SELATAN KUKUHKAN PERPADUAN KERAJAAN NEGERI**

**Ayer Keroh, 24 Jun 2023** – Minggu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Peringkat Zon Selatan tahun ini berjaya dilaksanakan hasil kerjasama Kerajaan Negeri serta Agensi Pembangunan Usahawan Negeri Melaka, Johor dan Negeri Sembilan. Kerjasama ketiga-tiga Kerajaan Negeri di bawah Kerajaan Perpaduan ini mengukuhkan lagi semangat perpaduan antara Kerajaan Negeri dan diterjemahkan melalui komitmen yang sama memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat setempat. Program yang merupakan acara tahunan anjuran SME Corporation Malaysia ini diadakan bersempena dengan Minggu Usahawan Negara (MUN) oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan telah dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka pada hari ini.

Program Minggu PMKS bersempena MUN ini turut dilaksanakan secara serentak di beberapa lokasi iaitu di Sarawak dan Pahang (Zon Pantai Timur) susulan kejayaan penganjuran Peringkat Zon Utara di Pulau Pinang awal bulan ini. Kemuncaknya adalah sambutan MUN dan Minggu PMKS 2023 Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan dari 7 hingga 9 Julai 2023 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Selain kerajaan negeri serta kementerian dan agensi kerajaan pusat, Minggu PMKS Peringkat Zon Selatan yang bermula 22 hingga 25 Jun ini turut mendapat sokongan dan pembabitan semua pihak yang terlibat dalam pembangunan PMKS, termasuklah institusi kewangan, universiti, persatuan industri, syarikat-syarikat besar serta badan-badan korporat seperti Pos Malaysia Berhad sebagai Rakan Kurier Rasmi dan Unifi Business, Telekom Malaysia Berhad (TM) yang merupakan Rakan Teknologi Eksklusif.

Minggu PMKS yang mula dilaksanakan sejak 2012 diperkenalkan bagi mengiktiraf peranan dan sumbangan PMKS kepada ekonomi negara seiring dengan nilai teras Kemampanan dan Kesejahteraan dalam konteks pertumbuhan ekonomi di bawah kerangka Malaysia MADANI. YBhg. Datuk Haji Zamri Bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Keusahawanan) KUSKOP dalam ucapan aluannya berkata “Di sebalik saiznya yang kecil, bilangan PMKS sebenarnya adalah sangat besar iaitu kira-kira 97 peratus dari keseluruhan pertumbuhan perniagaan, dan memberikan sumbangan yang signifikan kepada negara. PMKS menjana sehingga 37.4 peratus pendapatan negara, atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menggaji 47.8 peratus daripada tenaga kerja”.

Ini bertepatan dengan ikhtiar Bitara MADANI yang memberi fokus kepada pembangunan keusahawanan jangka masa panjang sekali gus dapat membantu pertumbuhan ekonomi Negara serta mengangkat nilai kesejahteraan Malaysia MADANI.

Selain meningkatkan kesedaran umum tentang produk dan perkhidmatan PMKS daripada pelbagai industri serta memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat, Minggu PMKS juga menawarkan platform untuk hebahan maklumat mengenai pembiayaan dan program pembangunan PMKS yang ditawarkan oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan. Minggu PMKS 2023 mengekalkan tema ‘Sokong Lokal, Sokong PMKS’ bagi meningkatkan sokongan serta menggalakkan orang ramai untuk hadir serta meraikan Minggu PMKS.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Encik Rizal bin Nainy, “Penganjuran Minggu PMKS pada tahun lalu telah berjaya mencatatkan potensi jualan sebanyak RM69.7 juta melalui 578 sesi padanan perniagaan dan hasil jualan langsung sebanyak RM1.7 juta oleh PMKS yang telah menyertai pameran. SME Corp. Malaysia menjangkakan Minggu PMKS tahun ini akan berjaya mencapai sasarannya, sekurang-kurangnya RM70 juta potensi jualan keseluruhan daripada sesi padanan perniagaan dengan sejumlah RM12 juta daripada Minggu PMKS Peringkat Zon Selatan sendiri”.

Sebanyak kira-kira 80 reruai disediakan untuk pameran dan karnival jualan selain pelbagai aktiviti menarik seperti demonstrasi dan pertandingan memasak,

pertandingan makan roti canai, pertandingan ukir buah, mencanting batik, kursus Barista, pemeriksaan kesihatan, kaunter Pihak Berkuasa Tempatan, pertandingan mewarna, zumba, persembahan kebudayaan, forum perdana dan cabutan bertuah.

YAB Datuk Seri Ab Rauf semasa perasmian Minggu PMKS 2023 Peringkat Zon Selatan juga telah menyampaikan replika cek kepada usahawan PMKS Negeri Melaka di bawah Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) oleh SME Corp. Malaysia serta Dana Kasih Niaga oleh Kerajaan Negeri Melaka. Turut hadir semasa Majlis Perasmian ialah YB Allex Seah Shoo Chin, Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka, YB Dato' Dr. Mohamad Rafie Bin Ab. Malek, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelaburan, Perindustrian, Keusahawanan, Pendidikan dan Modal Insan Negeri Sembilan, YB Tuminah Binti Kadi@Mohd Hashim, Timbalan Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka dan Encik Zaky Bin Moh, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaksanaan dan Pembangunan) SME Corp. Malaysia.

**- TAMAT -**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Strategik**  
**(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
**Tel : 03-2775 6290**  
**Emel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)**